

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**

**TARIKH : 23.5.2016  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan secara terperinci berapakah jumlah kos pembelian dan kos kontrak penyelenggaraan 2 kapal selam yang dibeli dari negara Perancis dan apakah sumbangan kedua-dua kapal selam tersebut dalam menjaga keselamatan negara setakat ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kontrak Perolehan Kapal Selam telah dilaksanakan pada tahun 2002 dengan nilai EURO 1.084 bilion yang meliputi harga pembelian 2 buah kapal selam baru, latihan untuk warga kapal selam, pakej bantuan logistik bersepadu (Integrated Logistics Support) dan alat ganti serta penyediaan kemudahan pelatih kapal selam dan tim projek.

Kedua-dua buah kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah diselenggarakan di bawah Kontrak *In Service Support* (ISS) selama 6 tahun yang telah tamat pada November 2015. Kontrak lanjutan masih belum ditandatangani.

Kapal selam *Scorpene* adalah merupakan aset strategik negara. Ia mampu menjadi *force multiplier-asset* kepada TLDM kerana ia boleh melaksanakan tugas seperti pengawasan, pemantauan dan perisikan. Ia juga boleh digunakan untuk misi mematahkan serangan musuh di mana ia boleh melancarkan bukan sahaja torpedo dan peluru berpandu tapi juga mampu membantu penyusupan anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL).

Di waktu aman, kapal selam merupakan aset cegah rintang yang efektif serta berupaya mengumpul data perisikan di perairan negara mahupun ketika di perairan antarabangsa serta mengenal pasti kapal perang negara asing atau kapal dagang yang melalui kawasan perairan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN  
[ BATU SAPI ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 42**

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa syarikat-syarikat penerbangan dikenakan bayaran dan yuran yang sangat tinggi iaitu sehingga sepuluh kali lebih tinggi daripada sebelum itu oleh Jabatan Penerbangan Awam berkuatkuasa pada 15 April 2016.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berkuatkuasa mulai 15 April 2016 kerajaan telah bersetuju supaya kadar fi dan caj di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016 dilaksanakan dengan kenaikan satu kali ganda sahaja dan bukan 10 kali ganda seperti mana yang diperkatakan sebelum ini. Peningkatan seterusnya akan hanya dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh antara 3 hingga 5 tahun. Penetapan kadar baru ini tidak membebankan syarikat-syarikat penerbangan memandangkan ia hanya melibatkan peningkatan pada tahap yang minima sahaja.

Penyemakan semula kadar fi dan dan caj adalah penting untuk Kerajaan memperoleh semula pulangan ke atas kos bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada penerbangan awam. Kenaikan tersebut akan turut membantu Kerajaan untuk terus mempertingkatkan kecekapan dan menambahbaik infrastruktur perkhidmatan navigasi udara dari semasa ke semasa.